



KOPI PAHIT

Istimewa Untuk Pujangga HAMKA

Pujangga HAMKA yang baharu pulang ke Indonesia rupanya telah terasa benar pahit kopi di Malaya ini dan kerana terlampau pahit itu lalu lupa taraf dirinya, sebagaimana yang diakuinya, sebagai pujangga lalu menulis satu rencana yang dihantarkannya kepada dua buah majalah penerbitan di Singapura ini – majalah belia dan majalah Bintang. Dengan ini rupanya baharulah orang tahu bahawa pujangga itu tidak tahu *etiquette* tulis menulis. Tidakkah patut beliau lebih dahulu menghantarkan kepada Qalam sebelum kepada majalah lain? Mashā Allāh!!!

*

Saudara Basmeh telah diminta oleh beliau menyampaikan kepada Cemeti al-Farouk supaya menarik balik tulisannya. Mashā Allāh. Satu perintah dari pujangga padahal ruangan ini menulis “Ia dikatakan menjawab” – kalau sekiranya akhbar harian itu salah mengapa tidak dinafikan bahkan ragu-ragu seperti katanya: “Saya tidak berani menafikan saya berkata demikian kerana mungkin juga sekali-kali saya ini mabuk atau pitam atau kurang akal” sekali lagi Mashā Allāh bung HAMKA! Saya fikir terlampau “capek” atau “hasil” perjalanan kurang memuaskan.

Sesudah itu. .? Ah ke lain pula ditujunya – sahabatnya saudara Edrus dibidasnya dengan katanya: “Saya adalah dif di saudara Edrus. Menurut adat istiadat orang Arab yang saya tahu. Penting benar bagi mereka menyinggung perasaan difnya”. Betul bung HAMKA! Tetapi dif pula mesti tahu kewajipannya dan menjaga pula

jangan menyinggung dan terlampau menyusahkan kepada mudifnya.

Sama-sama ada tanggungan bung!

Bagaimana pula? Lalu Bung HAMKA cuba “telanjangi” saudara Edrus yang menjadi sahabat karibnya. Sungguh hebat kalau seorang pengarang tasawwuf boleh menelanjangi sahabat akrabnya seperti saudara Edrus. Barangkali kerana karangan tasawwuf modennya jadi istilah moden sekarang kerana perkara sedikit mudah pula “menelanjangi” orang tetapi bung kalau saudara Edrus pula marah mau “telanjangi” pula sahabatnya seorang pujangga pengarang tasawwuf moden apa macam? Padahnya sudah tentu hal “orang awak” diketahui orang diam lebih baik bukan!

Bung HAMKA bilang sandiwara tidak haram! Setuju Bung! Tetapi cuba tolong beri takrif apa itu “sandiwara” – wah! Tentu orang semuanya tahu – kalau perkataannya tidak haram tetapi caranya bagaimana bung?

*

Alhamdulillah. Kerana beliau seorang pujangga dan pengarang buku tasawwuf tentu tahu istilah ilmu fiqah – orang lain tidak tahu. Cuba bung nyatakan apa bencana sandiwara itu ada lebih banyak manfaatnya atau bagaimana? Kita berpendapat mudaratnya lebih banyak dan ikut istilah fiqah – bung HAMKA tentulah lebih tahu. Tentulah menjauhkan mudarat lebih didahulukan daripada mencari manfaat barangkali mengikut istilah moden sahaja keadaan di sandiwara itu lebih banyak manfaat daripada mudaratnya. Kalau begitu hanya saya bilang Mashā Allāh bung!

Akhir al-Kalām – cukup sampai di sini bung – Cemeti al-farouk ada banyak bahan dan bukti-bukti kalau mau hitam putih pun ada untuk menunjukkan tabiat sebahagian “orang awak” tetapi sekadar ini dahulu memadai . . . kalau mau boleh ditambah lagi – Cemeti al-Farouk.

Menurut berita Street Times Tengku Abdul Rahman kerana tak sempat makan dalam perjalanannya untuk pilihan raya hanya sempat singgah minum brandy dan kacang sahaja.